

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



PENDIDIKAN NILAI DALAM KONTEKS FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA: REFLEKSI PELAKSANAAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA

Datuk Dr. Amin Senin
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Dr. Hjh. Roziah Abdullah
Jemaah Nazir Jaminan Kualiti
Kementerian Pendidikan Malaysia

Abstrak

Kertas ini akan membentangkan strategi penterjemahan hasrat Falsafah Pendidikan Negara dalam konteks pendidikan nilai di sekolah-sekolah Malaysia; serta berkongsi iktibar dan pengalaman dari pelaksanaan pendidikan nilai tersebut. Kertas ini juga membincangkan strategi pelaksanaan berdasarkan komponen utama pendidikan iaitu pendidikan nilai merentas kurikulum, pengajaran-pembelajaran nilai yang dirancang melalui teladan, pengucapan serta amalan, dan pentaksiran berasaskan sekolah. Berdasarkan pengalaman pelaksanaan pendidikan nilai tersebut, dua cabaran yang menjadi persoalan pokok dikongsikan. Pertama kekangan dalam penerapan perpaduan sebagai hasrat pendidikan dan nilai sepunya masyarakat Malaysia, dan Kedua, kesamaran sistem nilai yang mendasari nilai-nilai murni yang diterapkan di sekolah-sekolah.

Kata kunci: pendidikan nilai, pengajaran dan pembelajaran nilai, dan pentaksiran berasaskan sekolah

A. LATAR BELAKANG

Malaysia dikenali sebagai masyarakat berbilang kaum yakni masyarakat majmuk. Justeru sejak merdeka kemajmukan masyarakat ini telah menjadi komponen penting dalam penggubalan sistem pendidikan di Malaysia.

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Penyata Razak dalam perenggan 12 menyatakan “Tujuan dasar pelajaran ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur.”

Berasaskan kepada penyata tersebut untuk memupuk dan melestarikan perpaduan, Akta Pelajaran 1961 telah menetapkan menggunakan satu bahasa yang pengantar yang sama untuk semua sekolah kerajaan iaitu Bahasa Melayu. Ia bertujuan mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional. Selain itu, semua murid sekolah mengikuti satu sistem yang sama melalui kurikulum kebangsaan yang mempunyai silibus dan peperiksaan yang standard.

Bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang mempunyai prinsip dan nilai yang sepunya, Rukunegara sebagai satu ideologi kebangsaan Malaysia telah dibentuk pada 31 Ogos 1970 oleh Majlis Gerakan Negara. Rukunegara secara jelas menetapkan prinsip-prinsip berikut: (i) kepercayaan kepada tuhan, (ii) kesetiaan kepada Raja dan negara, (iii) Keluhuran Perlembagaan, (iv) Kedaulatan undang-undang, dan (v) Kesopanan dan ketatasusilaan.

Berdasarkan latar di atas, Kementerian Pendidikan telah mengubal Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk memenuhi prinsip-prinsip tersebut.

B. FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

FPK berbunyi seperti berikut, “Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.” (KPM, 2001:3).

FPK memberi penekanan kepada pembentukan insan yang seimbang dan harmonis bermaksud insan yang memiliki dan menghayati ilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang teguh kepada tuhan, mempunyai fikiran dan jiwa yang tenteram, tubuh badan yang sihat dan cergas serta dapat bekerjasama dengan orang lain. Manusia yang ingin dilahirkan menerusi FPK tentunya mempunyai perwatakan yang indah dan unggul. Frasa Rakyat Malaysia yang berakhhlak mulia menunjukkan penekanan nilai; iaitu; “mengetahui nilai baik dan buruk, menyedari kesan daripada perbuatan baik dan buruk, menghayati nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan, mengamalkan perlakuan baik dan menghindari perlakuan buruk, dan yakin kepada nilai murni” (KPM, 2001:12).

Berdasarkan Rukunegara dan FPK, pembangunan insan bermatlamat memperkembang potensi individu secara menyeluruh untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi telah memberi penekanan kepada penyediaan kurikulum yang relevan, penyediaan sistem penyampaian yang berkesan, penekanan kepada pendidikan agama dan moral, pemupukan semangat patriotisme, peningkatan peluang pendidikan melalui

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

pelbagai bidang dan pendekatan alternatif, serta penekanan kepada sains dan teknologi, (KPM,2001:24).

C. FPK DALAM PENDIDIKAN NILAI DI SEKOLAH

Perbincangan seterusnya dalam kertas kerja ini akan menjurus kepada salah satu aspek FPK iaitu penterjemahan FPK dalam pendidikan nilai di sekolah.

Ada tiga komponen yang menjadi tonggak utama dalam sebarang sistem pendidikan; kurikulum, pengajaran-pembelajaran, dan pentaksiran. Berdasarkan komponen-komponen tersebut, beberapa strategi penterjemahan pendidikan nilai di sekolah dilakukan. Pertama melalui penggubalan kurikulum, kedua melalui kaedah pengajaran-pembelajaran. Dan ketiga melalui instrumen pentaksiran iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Kurikulum

Strategi utama penterjemahan nilai dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ialah penerapan nilai merentas kurikulum (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988). Ini bermaksud penerapan nilai-nilai murni tidak terhad kepada mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral serta Penididikan Sivik dan Kewarganegaraan, malah penerapan nilai juga dilakukan dalam semua mata pelajaran yang lain. Usaha penerapan nilai ini juga dikukuhkan lagi melalui aktiviti-aktiviti lain dan aktiviti ko-kurikulum di sekolah. Sebanyak enam belas nilai-nilai murni telah ditetapkan untuk diterapkan kepada murid-murid. Nilai-nilai murni itu ialah; baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional semangat bermasyarakat dan patriotisme.

Apabila kurikulum disemak semula menjadi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), nilai-nilai murni terus menjadi salah satu elemen merentas kurikulum dalam KSSR dan KSSM yang diterapkan dalam semua mata pelajaran. Nilai murni ini merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan kebangsaan dan global yang menjadi amalan dalam kehidupan harian. Sehubungan dengan itu, Kurikulum Standard digubal berdasarkan enam tunjang iaitu Komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetik serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan untuk membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif bagi melahirkan modal insan yang seimbang.

Pengajaran-Pembelajaran

Kurikulum secara umum boleh ditafsirkan sebagai kerangka utama penyediaan “pengalaman” kepada murid untuk mencapai objektif-objektif pendidikan yang ditetapkan. Oleh sebab itu strategi penerapan nilai merentas kurikulum menuntut semua guru menyediakan “pengalaman-pengalaman” yang membolehkan semua murid mempelajari dan mengamalkan nilai-nilai murni yang kehendaki.

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Dalam konteks KBSR-KBSM dan KSSR-KSSM, sekurang-kurangnya tiga kaedah yang perlu dilakukan dengan oleh guru untuk menerap nilai-nilai murni di sekolah. Pertama, guru sebagai pendidik perlu menjadi teladan amalan nilai-nilai murni yang hidup dalam diri seseorang. Kedua, semua guru mata pelajaran perlu secara terancang dan sengaja memasukkan nilai-nilai murni dalam pengajaran harian mereka dalam bilik darjah. Ketiga kefahaman dan amalan nilai-nilai murid perlu diperkuuhkan melalui aktiviti-aktiviti dan persekitaran sekolah yang mempamerkan nilai-nilai tersebut seperti kebersihan dan disiplin sekolah.

Pentaksiran

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan salah satu instrumen penting penterjemahan hasrat FPK yang menjurus kepada perkembangan murid secara holistik iaitu jasmani, emosi, rohani dan jasmani. PBS mula diperkenalkan secara berperingkat bermula pada tahun 2011 di Tahun 1 sekolah rendah dan berakhir di tingkatan tiga sekolah menengah pada tahun 2019. Prinsip penting dalam PBS ialah penekanan kepada pentaksiran formatif iaitu menilai secara berterusan perkembangan murid selaras dengan standard yang ditetapkan. Antara komponen penting dalam PBS yang terkait secara langsung dalam pendidikan nilai ialah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Dalam hal ini pentaksiran yang dilakukan oleh guru dalam setiap sesi pengajaran-pembelajaran merupakan input penting proses penambahbaikan berterusan pembelajaran murid-muridnya.

PBS telah mengubah pelaporan kemajuan murid dari berdasarkan gred kepada kompetensi minima yang perlu dicapai. Pentaksiran di Finland juga lebih menekankan kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan berpusatkan pelajar. Menurut Hammond dan Mc Closkey (2008), lebih daripada 40 tahun Finland telah beralih dari sistem yang sangat berpusat dan menekankan

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

peperiksaan kepada sistem yang lebih setempat dengan menggunakan pelbagai kaedah taksiran. Kuasa autonomi diberikan kepada guru-guru untuk menentukan apa dan bagaimana untuk mengajar dan menaksir, menggalakkan murid menjadi lebih aktif dalam mencari, menganalisis dan menggunakan maklumat untuk menyelesaikan masalah dalam pelbagai situasi baru (KPM, 2017).

PBS memberikan guru kuasa dalam membangun kreativiti pengajaran mereka sendiri (Mazwell, 2006). Dalam mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang kreatif, guru kini perlu mempelbagaikan kaedah penilaian. Mereka kini mempunyai peluang untuk menggunakan kemahiran pemikiran pesanan aras tinggi (KBAT). Pembelajaran kini berpusatkan murid dengan kepercayaan dalam hubungan murid-guru, murid bebas untuk menyatakan pendapat mereka semasa menyelesaikan masalah. Dalam aktiviti PdP berpusatkan murid membolehkan guru untuk memupuk dan mananamkan nilai-nilai mulia. PBS membolehkan murid menjadi lebih proaktif, yakin dan selesa dalam pembelajaran mereka.

D. IKTIBAR DARI PELAKSANAAN PENDIDIKAN NILAI

Secara umumnya pihak sekolah dan para guru berusaha melaksanakan pendidikan nilai sebagaimana yang dikehendaki. Hakikatnya para guru berhadapan dengan pelbagai cabaran. Mereka menghadapi kesukaran untuk menghubungkaitkan isi pelajaran dengan nilai murni, kelemahan pedagogi untuk menerapkan nilai murni dalam mata pelajaran yang diajar, kekangan masa kerana terikat dengan sukanan pelajaran, anggapan bahawa tugas menerapkan nilai merupakan tanggungjawab guru Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam sahaja, dan penekanan pencapaian akademik bagi semua mata pelajaran yang diajar (KPM, 2005).

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Walau bagaimana dalam konteks perbincangan yang terhad ini saya ingin menonjolkan dua cabaran mendasar penterjemahan FPK menerusi pendidikan nilai dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Dua cabaran ini saya sorot berdasarkan perspektif dan terminologi nilai Milton Rokeach (1979) iaitu nilai *terminal* dan *instrumental*. Cabaran pertama berkaitan dengan pengalaman interaksi silang budaya murid-murid dalam pemupukan nilai perpaduan di sekolah. Dan kedua, yang berkaitan dengan kesamaran suatu sistem nilai yang dapat diterima pakai semua pihak.

Pengalaman Interaksi Silang Budaya

Secara keseluruhannya, enrolmen dalam sistem pendidikan menggambarkan demografi nasional. Terdapat pilihan sekolah yang mempunyai persekitaran etnik yang lebih homogen kerana KPM memberi peluang kepada ibu bapa untuk memilih sekolah sama ada yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar, sekolah agama atau sekolah aliran perdana yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Walaupun persekitaran sekolah homogen dan perpaduan tidak semestinya saling berkait, tetapi persekitaran yang homogen menimbulkan cabaran kepada murid apabila terdedah kepada kepelbagaian budaya dan kumpulan etnik serta menerapkan penghargaan terhadap kepelbagaian, iaitu nilai yang kritikal bagi mewujudkan perpaduan (EPRD, 2016).

Sehubungan dengan itu, nilai yang mendalam kesannya dalam diri seseorang ialah nilai yang membawa bekas emosi apabila ia dialami dalam bentuk pengalaman kendiri, Dalam konteks ini perpaduan sebagai nilai terminal dalam sistem pendidikan negara menghadapi cabaran besar kerana keterbatasan pengalaman interaksi silang budaya murid-murid dalam persekolahan.

Saya menimbulkan cabaran ini kerana nilai perpaduan tidak boleh dilihat daripada kaca mata pedagogi semata-mata. Ada aspek lain yang juga mengekang penerapan nilai perpaduan. Oleh itu adalah perlu difikirkan suatu pendekatan merentas pedagogi dan institusi sekolah yang boleh mengoptimumkan pengalaman interaksi silang budaya murid-murid. Inisiatif yang dilaksanakan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan guru dan murid yang pelbagai kaum adalah Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). Di bawah program ini, pihak sekolah melaksanakan pelbagai aktiviti silang budaya. Cabaran dalam melaksanakan perpaduan berlaku terutamanya dalam kalangan sekolah jenis kebangsaan ataupun dalam kawasan komposisi terdiri hanya daripada satu kaum. RIMUP telah berjaya mendedahkan murid-murid kepada pelbagai jenis budaya di samping merapatkan jurang perpaduan.

Pemupukan nilai-nilai murni serta perpaduan memerlukan usaha dan kerjasama pemegang taruh – ibu bapa, masyarakat, agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Nilai yang diajar dalam silibus Pendidikan moral dan Pendidikan Islam perlu diterjemahkan dan diteruskan dalam aktiviti ko-kurikulum. Bagi memastikan kelestarian pembudayaan nilai, semua murid diwajibkan menyertai aktiviti ko-kurikulum melalui program satu murid, satu sukan, satu persatuan dan satu unit beruniform. Aktiviti kokurikulum dapat memupuk nilai seperti berdisiplin, hormat-menghormati, kerjasama sepasukan, toleransi dan jati diri.

Sistem Nilai Kebangsaan

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Apabila strategi penerapan nilai merentas kurikulum diguna pakai dalam pengajaran-pembelajaran di sekolah, enam belas nilai murni yang dianggap nilai-nilai universal diperkenalkan. Saya dapat ada beberapa keluhan yang sering ditimbulkan oleh guru-guru yang berusaha menerapkan nilai-nilai tersebut,

Antaranya, para guru merasakan enam belas nilai itu agak banyak menyebabkan setiap orang guru berbeza-beza penekanan nilai yang disampaikannya kepada murid mereka. Dalam masa yang sama mereka juga perlu “mengajar” kesemua enam belas nilai tersebut menyebabkan guru-guru cenderung menggunakan pendekatan tazkirah. Pihak sekolah juga sering berasa kecewa kerana beranggapan usaha penerapan nilai yang dilakukan oleh guru-guru tidak mendapat sokongan daripada pihak masyarakat dan ibu bapa. Pihak sekolah beranggapan nilai-nilai tersebut hanya relevan di sekolah sahaja.

Saya berpendapat keresahan ini bukan berpunca kerana bilangan nilai-nilai atau penerimaan kemurnian nilai-nilai tersebut tetapi kerana kesamaran wujudnya *sistem nilai* yang diterima pakai oleh semua pihak. Pada dasarnya semua nilai murni atau universal sama baiknya dan sama pentingnya. Walau bagaimanapun pemilihan dan keutamaan nilai-nilai murni itu pasti berbeza-beza mengikut kriteria pemilihan dan konteks pengamalannya. Inilah yang saya maksudkan dengan sistem nilai. Suatu kerangka yang mengatur prioriti dan *contextualization* nilai-nilai murni tersebut perlu ditetapkan. Untuk memperkuuh budaya nilai dan perpaduan dalam sistem pendidikan, anjakan ke-3 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah membuat ketetapan untuk “melahirkan rakyat yang menghayati nilai” dan disokong dengan ketetapan anjakan 9: Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas.

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Pelibatan pelbagai pihak menjadi pelengkap kepada usaha kerajaan dalam memajukan perkembangan murid secara holistik.

Sudah tentu dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia wujud pelbagai sub sistem nilai. Persoalannya, apakah wujud satu sistem nilai utama yang mengikat semua sub sistem ini? Jika ada, apakah nilai-nilai utama yang mendasari semua semua sub sistem nilai masyarakat Malaysia? Dan, apakah nilai-nilai murni yang diterapkan di sekolah-sekolah itu mewakili sistem nilai negara Malaysia?

Pada masa kini, satu set nilai yang ditetapkan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamed adalah “rajin/bekerja keras dan amanah” manakala nilai-nilai “Kasih-sayang, Kebahagiaan dan saling menghormati” menjadi pegangan YB Menteri Pendidikan Dr. Maszlee bin Malik. Apakah nilai sepunya pegangan masyarakat Malaysia?

E. RUMUSAN

Prinsip-prinsip Rukunegara yang dicipta pada tahun 70-an menjadi asas dan aspirasi untuk nilai sepunya rakyat Malaysia. KPM telah menterjemahkan ideologi Rukunegara ke dalam bentuk Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk menyediakan satu hala tuju bagi sistem pendidikan negara. FPK telah menyediakan asas untuk pembangunan holistik untuk pembinaan modal insan serta membangunkan manusia yang baik. Perpaduan, nilai-nilai murni dan tingkah laku yang baik telah menjadi asas dalam pembangunan kurikulum kebangsaan.

Pendekatan menetapkan nilai merentas kurikulum dalam KSSR-KSSM, pengajaran dan pembelajaran secara kontekstual serta perubahan dalam kaedah penilaian kepada pentaksiran berasaskan sekolah menyediakan satu peluang untuk guru menerapkan nilai. Kini murid mengalami sendiri proses penghayatan nilai dalam tindakan harian (experiential and contextual learning). Nilai juga perlu dipupuk melalui aktiviti silang budaya bagi membolehkan murid-murid daripada komuniti homogen mempelajari dan memahami nilai dan budaya masyarakat majmuk. Aktiviti silang-budaya sebagai satu wahana untuk menyemai dan memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Albert Einstein pernah berkata, " *Try not to become a man of success but rather try to become a man of value* ". Kerajaan masa kini mewar-warkan nilai "rajin, amanah, kasih sayang, saling menghormati dan kebahagiaan" sebagai nilai yang harus dimiliki oleh semua orang. Pembentukan sahsiah terpuji dan modal insan unggul memerlukan kerjasama berterusan pelbagai pihak pada semua peringkat. Usaha murni yang disemai dan dipupuk pada peringkat bangku sekolah kini menjadi cabaran yang perlu dilestarikan pada peringkat lepasan menengah dan pengajian tinggi.

RUJUKAN

Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin (2017). Pembelajaran Abad ke 21 dalam kepelbagaiannya budaya, ucaputama Seminar Pedagogi Antarabangsa ke 8, IPGK Ilmu Khas, 19 September 2017.

Abdul Halim Abdullah & et. al. (2014), Pentaksiran berasaskan sekolah (PBS): Kebaikan dari perspektif am, guru, murid dan ibu bapa. *Buletin Persatuan Pendidikan Sains dan Matematik*, Johor, Jilid. 24: Bil. 1. 2014.

Abdul Rahman bin Md Aroff (2014). Values Education and the Malaysia Educational Blueprint. *Journal of Interdisciplinary Research in Education*. Vol. 4, Issue 1, 2014:59-73. Taylor's University Sdn. Bhd.

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Akbariah Mohd. Mahdzir & Et.al.(2017). Kajian Pengukuran Tahap Perpaduan 2016. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan. Jilid 18* (2017). Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. KPM.

Barone. T & Ibrahim Ahmad Bajunid (2000). Perception of Values Education in Malaysia. Thresholds in Education. Pages 10-18.

Hamimah Abu Naim & Rohaya Talib (2014). Cabaran Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Dilema Guru. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (Insan2014)*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia,

John Leach (2010). *The success Factor*. Page:165. Quest Publication.Singapore.

Jemaah Nazir Jaminan Kualiti (2016). Laporan Kebangsaan Pemeriksaan Khas Pentaksiran Sekolah (PBS) Sekolah Menengah. (*Dokumen terperingkat.*)

Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi*. Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2005). *Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Nilai Merentas Kurikulum KBSR/KBSM*. Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Maxwell, G (2006). Quality management of school-based assessment: Moderation of teacher judgements. Paper presented at the 32nd IAEA Conference, Singapore, May 2006.

Milton Rokeach (1979). *Understanding Human Values: Individual and Societal*. The Free Press, New York

Ministry of Education (2017). *Malaysia Education Blueprint 2013-2025 Annual Report 2016*. Education Performance and Delivery Unit.

Ministry of Education Malaysia (2013). *Malaysia Education Blueprint 2013-2025*. Pages: E11-E24.

Mohammad Khairi & Aswati Suhid (Jun 2015). Penghayatan nilai Murni dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini. *Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 18* (Jun 2015): 1-20.

Rusmini Ku Ahmad (2014). *Preparing Schools for The Future Moving Away from Conventional Approach*, pages: 36-74.

Tong Siu Yin Annie (2011). Exploring students' perception of and reaction to feedback in school-based assessment. *Malaysian Journal of ELT Research*.

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Vishalache Balakrishnan (2010). Transformation In Education In Malaysia: A Look Into Moral Education Syllabus. *I-manager's Journal on School Educational Technology*, Vol. 6 (No. 2) September - November 2010.
<https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1102779.pdf>